

SEKTOR PEMBINAAN

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Apakah aktiviti/projek pembinaan yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPB?

Semua aktiviti pembinaan dibenarkan beroperasi di dalam tempoh PKPB bermula 12 Mei 2020.

2. Adakah perlu untuk mendapatkan permohonan dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebelum memulakan projek atau beroperasi?

Tidak perlu memohon. Semua syarikat perlu mengisytihar maklumat syarikat di web MITI menerusi <https://notification.miti.gov.my/register> dan bersetuju dengan ikrar akujanji pematuhan SOP.

3. Bila tarikh akhir untuk saya mengisytiharkan maklumat syarikat menerusi laman web MITI?

Tarikh akhir adalah 12 Mei 2020.

4. Saya telah membuat permohonan di lama web MITI sebelum ini. Adakah saya perlu membuat pengisytiharan semula?

Tidak perlu. Syarikat yang telah membuat permohonan untuk beroperasi sebelum ini, TIDAK PERLU membuat pengisytiharan maklumat syarikat di laman web MITI.

5. Permohonan saya di laman web MITI sebelum ini masih di dalam proses/gagal/dalam peringkat rayuan, adakah saya perlu mengisytiharkan syarikat saya di web MITI?

Syarikat yang sudah membuat permohonan dengan MITI dan berada di dalam status gagal/proses/ rayuan, TIDAK PERLU isytihar syarikat di web MITI.

6. Apakah SOP yang perlu diikuti oleh Sektor Pembinaan semasa beroperasi di dalam PKPB?

Sila rujuk SOP PKPB untuk Sektor Pembinaan di laman web CIDB di www.cidb.gov.my , dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) di www.mkn.gov.my.

7. Sub sektor apakah yang dirangkumi di dalam SOP untuk Sektor Pembinaan ini?

Sub sektor tersebut adalah :

- a) Mana-mana kerja pembinaan yang dinyatakan dalam Akta 520; dan
- b) Perkhidmatan professional yang terlibat didalam industri pembinaan.

8. Apakah waktu operasi yang ditetapkan untuk Sektor Pembinaan?

Tiada had waktu operasi yang ditetapkan untuk Sektor Pembinaan. Walau bagaimanapun majikan perlu mematuhi peraturan waktu operasi yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sekiranya ada.

9. Adakah saya perlu menghantar pekerja-pekerja saya untuk ujian saringan Covid-19 sebelum mulakan kerja pembinaan?

Semua pekerja dan majikan warga asing WAJIB menjalani Ujian Makmal Covid-19 dan disahkan bebas Covid-19 sebelum dibenarkan memulakan kerja.

10. Dimanakah boleh saya mendapatkan ujian Covid-19 secara percuma untuk pekerja saya?

Saringan kesihatan ini boleh dilakukan di premis penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO. Majikan perlu mendaftarkan pekerjaanya melalui Portal PSP PERKESO di pautan <https://prihatin.perkeso.gov.my> sebelum melayakkan mereka menjalani PSP PERKESO. Info lanjut sila layari <https://prihatin.perkeso.gov.my>, laman sesawang PERKESO, www.perkeso.gov.my dan juga media sosial rasmi PERKESO.

11. Apakah peralatan perlindungan peribadi yang perlu disediakan untuk pekerja sepanjang tempoh PKPB?

- a) Penutup hidung dan mulut (face mask) perlu dipakai sepanjang masa;
- b) Hand sanitizer atau sabun basuh tangan (kemudahan membersih dan mencuci tangan); dan
- c) Alat memeriksa suhu (temperature gun) bagi mengambil suhu badan pekerja/majikan sebelum masuk ke tapak binaan/premis. Pekerja/majikan dengan suhu badan 37.5^o Celsius ke atas dilarang berada di tapak binaan/premis.

12. Siapakah perlu mengeluarkan kos tambahan untuk patuhi SOP seperti pembelian temperature gun, face mask dan sebagainya?

Keperluan ini perlu disediakan oleh kontraktor utama.

13. Adakah projek pembinaan yang kecil juga perlu melantik Pegawai keselamatan dan kesihatan?

SOP memperuntukan syarikat perlu melantik atau mengadakan seorang atau lebih penyelaras bagi memastikan pematuhan langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19 di tempat kerja; Penyelaras boleh terdiri daripada:

- a) Pegawai Keselamatan dan Kesihatan ("SHO"); atau
- b) Penyelaras Keselamatan dan Kesihatan ("OSH-C"); atau
- c) Penyelia Tapak Bina ("SSS"); atau
- d) Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan; atau
- e) Pemilik syarikat. Bagi syarikat kontraktor kecil yang menjalankan projek kecil, pemilik syarikat sendiri dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras tersebut.

14. Bagaimanakah dengan taklimat seperti toolbox briefing yang lazimnya diadakan di

dalam satu kumpulan yang besar?

Mengikut SOP sedia ada, pelaksanaan mesyuarat dan taklimat boleh dilaksanakan tetapi perlu mematuhi penjarakan sosial (social distancing) dan mana-mana aktiviti di ruang tertutup hendaklah diminimakan.

15. Di dalam SOP, ada disebut kontraktor perlu menyah cemar (sanitisation) kawasan guna sama sebanyak 3 kali sehari. Adakah ini diwajibkan?

Ya. Diwajibkan.

16. Adakah proses nyah cemar atau nyah kuman, wajib menggunakan kontraktor berlesen dengan Kementerian Kesihatan Malaysia?

Tidak diwajibkan.

Proses ini boleh dilakukan sendiri dengan menggunakan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dokumen ini boleh dimuat turun dari laman web CIDB www.cidb.gov.my Penggunaan kontraktor berlesen dengan KKM digalakkan untuk mendapat kerja yang lebih teliti.

17. Perlukah kontraktor mengisytiharkan maklumat projek dengan CIDB Malaysia?

Ya, kontraktor wajib mengisytiharkan maklumat projek dengan CIDB Malaysia. Kontraktor boleh mengisytiharkan projek mereka dalam tempoh 2 minggu setelah mula beroperasi.

18. Bagaimanakah caranya untuk saya mengisytiharkan maklumat projek dengan CIDB Malaysia?

Kontraktor perlu isytihar maklumat projek di dalam system CIMS CIDB di laman web www.cidb.gov.my dan klik ePERKHIDMATAN → PENDAFTARAN KONTRAKTOR → masukkan ID Pengguna dan Kata Laluan → Project Declaration and Levy.

19. Apakah maklumat yang perlu diisytihar oleh kontraktor kepada CIDB Malaysia?

Berikut adalah maklumat yang diperlukan:

- a) Nama dan nilai projek;
- b) Lokasi projek (koordinat GPS);
- c) Maklumat pegawai yang dipertanggungjawabkan: dan
 - i. Pengarah Syarikat
 - ii. Ketua Penyelaras
 - iii. Pengurusan CLQ (jika berkaitan)

d) Senarai pekerja yang terlibat.

20. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh kontraktor ditapak bina/premis untuk rujukan Pegawai Penguatkuasa CIDB?

Berikut adalah dokumen yang perlu disediakan:

- a) Nama dan nilai projek;
- b) Lokasi projek (koordinat GPS);
- c) Maklumat pegawai yang dipertanggungjawabkan:
 - i. Pengarah Syarikat
 - ii. Ketua Penyelaras
 - iii. Pengurusan CLQ (jika berkaitan)
- d) Jadual Pelaksanaan Projek;
- e) Bilangan dan senarai pekerja Kontraktor/Syarikat utama mengikut tred yang terlibat;
- f) Bilangan dan senarai sub-kontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat;
- g) Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan;
- h) Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang digunakan;
- i) Senarai perunding dan pekerja yang terlibat;
- j) Rekod pergerakan pekerja dan saringan gejala/kesihatan pekerja, kebersihan pengurusan tapak bina/premis; dan
- k) Ikrar Aku janji CIDB.

21. Berapakah bilangan pekerja di tapak bina/premis yang dibenarkan?

Tiada had bilangan pekerja di tapak bina/premis yang ditentukan. Namun majikan perlu memastikan bahawa penjarakan sosial dipatuhi. Majikan digalakkan untuk:

- a) Melaksanakan penjadualan kerja dan pengagihan kerja secara "sequence" atau "staggered";
- b) Mewujudkan sistem bekerja dari rumah bagi pekerja yang tidak terlibat dengan aktiviti di tapak bina/premis; dan c) Mengadakan mesyuarat secara maya.

22. Perlukah majikan menyediakan pengangkutan kepada pekerja?

Ya. Majikan perlu menyediakan kenderaan pengangkutan, jika berkenaan, bagi pergerakan pekerja dengan mengamalkan penjarakan sosial serta memastikan penjarakan sosial dipatuhi semasa penggunaan kenderaan.

23. Perlukah kenderaan pengangkutan yang disediakan oleh majikan untuk kegunaan pekerja dinyah kuman?

Ya. Majikan perlu menjalankan proses nyah kuman setiap kali selepas kenderaan digunakan. Proses nyah kuman ini mestidirekodkan untuk tujuan pemeriksaan.

24. Adakah pekerja yang baru pulang dari luar negara dibenarkan bekerja ke tapak bina?

Pekerja-pekerja yang baru pulang dari luar negara TIDAK dibenarkan bekerja dan masuk ke tapak bina dalam tempoh empat belas (14) hari bermula dari tarikh sampai ke Malaysia.

25. Perlukah majikan memantau pergerakan pekerja?

Ya. Majikan perlu memantau pergerakan pekerja dengan menghadkan pergerakan pekerja dari penginapan ke tapak bina/premis sahaja.

26. Apakah garis panduan yang perlu dipatuhi oleh majikan berkenaan dengan pergerakan bahan binaan/bekalan ke tapak bina?

Majikan perlu memantau dan merekodkan pergerakan bahan binaan/bekalan yang dibawa masuk ke tapak bina atau premis. Pemandu/pembawa bahan/bekalan perlu diambil suhu badan dan direkodkan. Hand sanitizer perlu disediakan dan digunakan.

27. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pekerja menunjukkan gejala Covid-19?

Pekerja yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 hendaklah segera diasingkan dan dibawa ke klinik/hospital berhampiran untuk saring Covid-19.

28. Jika pekerja di CLQ didapati positif Covid-19, adakah majikan perlu kuarantin kontak rapat?

Majikan perlu mengkuarantin kontak rapat pekerja dalam CLQ dengan mengganggu kos dan menyediakan penginapan alternatif.

29. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan di pintu masuk tapak bina/premis?

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh majikan:

- a) Merekod dan mengisytiharkan butiran pekerja yang berada di tapak bina/premis;
- b) Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari dandirekod;
- c) Pekerja/majikan dengan suhu badan 37.5° celsius ke atas dilarang berada di tapak binaan/premis;
- d) Menghalang mana-mana pihak yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 daripada masuk ke tapak bina/premis;
- e) Bagi mereka yang didapati mempunyai gejala semasa pemeriksaan sebelum masuk ke tapak bina/premis diasingkan dan dihantar untuk rawatan

30. Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan semasa kerja-kerja pembinaan dilaksanakan?

Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh majikan:

- a) Membuat penilaian risiko dengan memasukkan elemen risiko jangkitan sebelum memulakan kerja;
- b) Mengawal pergerakan keluar masuk;
- c) Memastikan penjarakan sosial (1 meter di antara pekerja) diamalkan;
- d) Memastikan pekerja tidak berada/bekerja berdekatan antara satu sama lain dalam tempoh yang lama;
- e) Aktiviti di ruangan tertutup hendaklah diminimalkan;
- f) Pelaksanaan mesyuarat dengan mematuhi penjarakan sosial;
- g) Memantau semua pekerja setiap masa agar tidak berkumpul;
- h) Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti penutup hidung dan mulut (face mask) dan memastikan mereka sentiasa memakainya;
- i) Memastikan pekerja kerap membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun;
- j) Melaksanakan proses nyah cemar di pejabat/premis; dan
- k) Pekerja yang disyaki mempunyai gejala Covid-19 hendaklah seger diasingkan dan dibawa ke klinik/hospital berhampiran untuk saring Covid-19.

31. Bagaimanakah dengan pengurusan tandas pekerja oleh majikan?

Pihak majikan perlu memastikan tandas adalah bersih dengan melakukan proses nyah cemar secara kerap dan berjadual serta direkodkan.

32. Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu dilakukan oleh majikan semasa waktu rehat pekerja?

Berikut adalah langkah-langkah keselamatan semasa waktu rehat pekerja:

- a) Memastikan tiada kesesakan di kantin/tempat makan/ruang rehat/tempat solat dengan:
- b) Mengatur waktu rehat dalam kumpulan kecil;ii)Menyediakan beberapa lokasi tempat makan/rehat/solat.
- c) Memastikan hanya makanan berbungkus disediakan;
- d) Memastikan pengendali makanan memakai penutup hidung dan mulut(face mask) serta sarung tangan; dan
- e) Memantau semua pekerja stiap masa agar tidak makan/rehat secara berkumpul dan sentiasa mengamalkan penjarakan sosial.

33. Apakah yang perlu diingatkan oleh majikan kepada pekerja sebelum mereka pulang ke tempat kediaman masing-masing?

Majikan perlu mengingatkan pekerja untuk terus mandi dengan menggunakan sabun serta membasuh pakaian yang telah digunakan sebaiktiba di tempat kediaman.

34. Apakah langkah-langkah pengurusan keselamatan di tempat kediaman tapak bina/premis yang perlu diambil oleh majikan?

- a) Melakukan nyah cemar setiap hari dan sebanyak tiga (3) kali sehari dikawasan gunasama;
- b) Menyediakan kemudahan mencuci tangan dan hand sanitizer;

- c) Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari sebelum memasuki tempat kediaman dan direkod;
- d) Memastikan penjarakan sosial (1 meter di antara pekerja) diamalkan;e)
- e) Membekalkan setiap pekerja dengan alat pelindung diri seperti penutup hidung dan mulut;
- f) kemasukan pelawat kecuali pihak yang diberi kuasa dan menyedia kemudahan; dan
- g) Menghalang aktiviti berkumpulan (sukan/solat/agama).

35. Apakah rekod yang perlu disediakan?

Berikut adalah senarai rekod yang perlu disediakan oleh majikan:

- a) Mengurus, menyelia dan menyimpan rekod-rekod pekerja berhubung dengan:
 - i) Kehadiran pekerja;
 - ii) Saringan kesihatan;
 - iii) Pergerakan pekerja; dan
 - iv) Butiran peribadi pekerja.
- b) Menyediakan rekod pengurusan kebersihan tapak bina/premis berhubung dengan:
 - i) Proses nyah cemar di mana-mana kawasan yang dijangkiti wabakCovid-19, kafeteria/kantin dan; dan
 - ii) Pembersihan lain-lain kawasan tapak bina/premis.
- c) Menyediakan rekod pengurusan tapak bina/premis berhubung dengan:
 - i) Pengurusan risiko;
 - ii) Pergerakan keluar masuk tapak oleh pembekal barangan dan perkhidmatan dan mana-mana pihak yang berurusan;
 - iii) Pemeriksaan oleh pihak berkuasa; dan
 - iv) Hebahan dan kesedaran.

36. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi CIDB Careline 1-300-88-2432 (8pagi – 5.30 petang), www.cidb.gov.my dan Hotline KKR 03-55672777 (8.00 pagi–10.00malam), www.kkr.gov.my